

BULETIN

BICARA VETERINAR

LEMBU HIBRID SADO

Bekalan Daging Meningkatkan

SOROTAN 2017

Jabatan Perkhidmatan Veterinar



WABAK RABIES

Penyakit ini mempunyai tempoh pengesanan sehingga enam bulan dan tempoh jangkitannya dari 15 hari sehingga haiwan/manusia tersebut mati



TMR JERAMI

Hasil dari penyelidikan yang berterusan yang dijalankan oleh syarikat telah Berjaya menemukan teknologi...



ISI KANDUNGAN

Sorotan 2017 Jabatan Perkhidmatan veterinar	2
Rabies Apa Yang Anda Perlu Tahu	6
Katakan TIDAK Kepada lalat	9
Lembu Hibrid Sado Bekalan Daging Meningkat dan Tambah Pendapatan	13
Inovasi	16
Penternak Jaya	19

Perutusan Ketua Pengarah

Assalamualakum WBT dan salam sejahtera. Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah S.W.T. Buletin Teknikal Penyelidikan telah dapat diterbitkan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah berusaha mentransformasikan perkhidmatan veterinar secara berterusan bertujuan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan veterinar. Selaras dengan keperluan semasa, Buletin Bicara Veterinar telah diterbitkan bagi tujuan menyampaikan maklumat dan teknologi terkini atau yang terdahulu dibangunkan oleh warga

DVS demi meningkatkan lagi mutu dan kualiti industri penternakan negara. Hasil daripada penerbitan ini dapat dijadikan panduan serta rujukan warga Jabatan untuk disampaikan kepada penternak khususnya. Ini adalah salah satu usaha Jabatan agar idea serta teknologi yang telah dibangunkan dapat dipraktikkan di peringkat lapangan. Semoga buletin ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga DVS dan penternak terutama dalam pembangunan sektor agromakanan negara. Terima kasih.



Oleh: Dato' Dr. Quaza Nizamuddin Bin Hassan Nizam

Tahun 2017 telah berlalu dan kini kita melangkah ketahun 2018 dengan meninggalkan banyak kenangan dan peristiwa menarik disepanjang tahun 2017. Sebelum kita jauh melangkah pada tahun ini dan tahun-tahun mendatang adalah amat penting terlebih dahulu kita menyorot atau melihat semula apa yang dilalui sepanjang 2017. Pelbagai cabaran, kejayaan, isu dan masalah telah jabatan lalui dan berkat kerjasama semua pihak perkhidmatan yang disifatkan sebagai kecemerlangan dapat jabatan laksanakan. Walau ada perkara yang

kurang menyenangkan tetapi banyak perkara baik perlu kita singkap semula. Ini penting agar perkhidmatan yang diberi jabatan tidak terhenti dan sentiasa relaven dengan memberi impak besar kepada rakyat. Malah apa yang penting telah mencapai objektif kementerian dan kerajaan secara umumnya. Sorotan ini juga penting untuk melihat jabatan telah menepati tuntutan perkhidmatan yang memberi manfaat kepada rakyat dan seterusnya meningkatkan pendapatan rakyat dan negara.

Pada Februari 2017, jabatan dikejutkan dengan wabak jangkitan penyakit selsema burung atau dikenali H5N1 di Kelantan iaitu setelah hampir sepuluh tahun Malaysia bebas daripadanya. Setelah pengesahan dibuat, jabatan dengan segala kekuatan dan kepakaran telah dikerah menerajui dan mengerakkan program-program kawalan dan pembasmian yang melibatkan semua agensi kerajaan yang terlibat. Satu kejayaan yang harus menjadi pujian dan penanda aras ialah wabak ini dapat dikawal dalam masa yang singkat iaitu 22 hari. Hasil usaha bersama yang bekerja secara berpasukan dalam pemusnahan, surveilan, diagnosis mahu pun penguatkuasaan yang bekerja siang dan malam, telah membuahkan hasil yang amat positif.



Mesuarat pertama NARC bersama Kementerian Kesihatan

Ini merupakan satu kecemerlangan dalam perkhidmatan DVS dimana semua jentera dan gerak kerja berjalan dengan lancar dan sentiasa bersiapsedia. Kerjasama secara NBOS telah dilaksanakan secara berkesan dan menjadikan Malaysia tempat rujukan diperingkat antarabangsa. Didalam Masa 22 hari jabatan telah memusnahkan hampir 56 ribu unggas dan lebih kurang 17 ribu telur. Akhirnya jabatan dapat mengumumkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) bahawa mulai Julai 2017 tiada lagi pengesanan penyakit H5N1.

Natijahnya dari keberkesanan jabatan mengawal dan membasmi penyakit H5N1 ini ialah kita telah berjaya menyekat penularan penyakit ini kepada manusia. Impak dan risiko yang besar akan berlaku sekiranya penularan berlaku kepada manusia yang akan menyebabkan masalah besar kepada rakyat. Tidak kurang pentingnya juga kesan terhadap ekonomi negara. Wabak selsema burung ini boleh menjejaskan perdagangan kita dengan negara luar dengan anggaran kehilangan pendapatan negara RM1.4 billion melalui pengeksportan ayam dan telur setahun. Jabatan telah berjaya menyakinkan pihak berkuasa Singapura yang sentiasa berhubung dan memantau perkembangan wabak. Komunikasi yang baik dengan negara-negara pengimport, kita telah dapat menyelamatkan kesan negatif ekonomi negara.

H5N1: Penternak terima sugu hati sebelum raya

Oth Samad Ahmad
@news@kvh.gov.my



KETUA Pengarah Khidmat Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Othman Nizamuddin Hassan, (tengah) menyerahkan sijil Penghargaan Perkhidmatan Veterinar kepada Datuk Dr. Mahamed Safwaddin Saadon, (kanan) dan Pengarah Bahagian Pengurusan Kematuan Ternakan, Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Roslinda Alias, (kiri) semasa penyerahan sijil kepada pengadu yang memusnahkan unggas wabak H5N1 pada Minggu Penghargaan Bakti Lelutik, 10 Mei 2017. Foto: Samad Ahmad

PUTRAJAYA: Kerajaan setuju membayar sugu hati sebelum sambutan Aidilfitri kepada 1,023 penternak vano

Aktiviti pemusnahan dan kawalan Wabak Selsema Burung di Kelantan

Isu global berkaitan Antimicrobial Resistant (Kerintangan Antibiotik) sangat membimbangkan dan telah menarik perhatian dua kementerian (Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian) untuk sama-sama menanganinya. Satu jawatankuasa bersama ditubuhkan iaitu National Antimicrobial Resistant Committee (NARC) dengan aktiviti kesedaran, pendedahan, latihan atau survelan dilaksanakan oleh Kumpulan Kerja Teknikal. Pendekatan proaktif ini penting dalam usaha jabatan mengurangkan risiko penggunaan ubat-ubatan yang tidak terkawal dalam industri ternakan. Kerintangan terhadap ubat-ubatan antibiotic mengundang kepada masalah yang lebih besar terhadap kesihatan awam.

Sekali lagi jabatan telah dikejutkan dengan kejadian wabak rabies di Serawak yang diumumkan secara rasmi pada bulan Jun 2017. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Serawak yang baru ditubuhkan awal tahun 2017 telah diuji keupayaan mengendalikan program-program kawalan penyakit rabies. Namun dengan kerjasama dan bantuan semua pihak termasuk dari Semenanjung, wabak rabies dapat dikawal. Biar pun masih ada kebimbangan pihak yang berkaitan ekoran sempadan negara yang begitu luas, tetapi keupayaan jabatan mengesan penyakit di lapangan menunjukkan program survelan yang dilaksanakan berkesan. Lebih penting lagi adalah jabatan mempunyai sistem koodinasi yang amat baik dalam pentadbirannya dalam kawalan penyakit. Penglibatan semua pihak termasuk menteri dan timbalan menteri yang turun padang telah memperkuatkan lagi sistem

yang ada. Komitmen yang cukup tinggi telah ditunjukkan oleh kerajaan termasuk memperuntukkan lebih 18 juta ringgit untuk tujuan kawalan penyakit.



Gambar 3: Program pelalian rabies dalam menangani wabak rabies di Sarawak



Pada 18 Julai 2017 jabatan telah mula menguatkuasakan akta kebijakan haiwan. Usaha telah digerakkan keseluruh negara untuk memberi pendedahan dan kesedaran masyarakat kepada akta ini dan tanggungjawab mereka sebagai pemilik haiwan. Kesedaran dikalangan kita juga tidak kurang pentingnya terutama dalam isu haiwan liar yang berkeliaran. Kita tidak sepatutnya membiarkan saja haiwan membiak tanpa kawalan atau tindakan sehingga timbulnya isu haiwan berkeliaran. Haiwan ini berkemungkinan tidak cukup makanan dan dihinggapai penyakit yang boleh memudaratkan manusia. Biar pun adanya café haiwan kesayangan yang sudah menjadi tren masyarakat, tetapi risiko penularan penyakit dari haiwan kepada manusia perlu dilihat oleh jabatan terutama dari aspek kebersihan dan bebas penyakit. Panduan dan bimbingan kepada pemilik café haiwan kesayangan perlu disediakan bagi memastikan isu kesihatan dan kebijakan haiwan ditangani dengan baik

Banjir adalah antara isu yang mencabar untuk ditangani oleh hampir kesemua agensi jabatan. DVS tidak terlepas dari tanggungjawab memastikan industri ternakan

terus berkembang biarpun bencana banjir berlaku. Manual persediaan menangani situasi banjir telah disediakan untuk panduan semua. Berdasarkan pengalaman menghadapi banjir, tahun 2017, jabatan telah bersedia sepenuhnya untuk menangani masalah banjir dengan persediaan pembelian makanan, peralatan mahu pun ubat-ubatan dan telah pun diedarkan kepada negeri-negeri terlibat.

Aspek lain yang ingin ditonjolkan bagi tahun 2017 adalah hubungan kita dengan negara-negara serantau dan juga pertubuhan antarabangsa OIE yang mempunyai kepentingan secara langsung kepada negara. DVS telah berjaya dengan cemerlang dalam penganjuran OIE Regional Commission Conference yang melibatkan 19 buah negara. Ini adalah amat penting bagi Malaysia kerana impak dan maklumbalas positif yang diterima telah menaikkan imej negara.



RABIES

Apa Yang Anda Perlu Tahu

Oleh: Dr. Navanithakumar Ballakrishnan, Azima Laili Hanifah,
: Thenamutha Muniandy, Khor Sock Kun

Pada tahun ini, negara dikejutkan dengan serangan wabak Rabies buat kali pertama di Sarawak sehingga meragut lima nyawa manusia. Wabak ini disahkan melalui ujian makmal pada 30 Jun 2017 di Serian, Sarawak. Sehingga 24 Julai 2017, sebanyak 39 kes positif daripada haiwan telah dilaporkan di 23 lokasi melibatkan bahagian Serian, Sri Aman dan Kuching. Musibah ini menimbulkan pelbagai persoalan dalam kalangan masyarakat tentang apakah itu Rabies?

Rabies atau penyakit anjing gila ialah penyakit bawaan virus yang menyerang sistem saraf

dan otak pada haiwan berdarah panas termasuk manusia. Penyakit ini mempunyai tempoh pengeraman sehingga enam bulan dan tempoh jangkitannya dari 15 hari sehingga haiwan/ manusia tersebut mati. Sehingga kini, masih lagi tiada kaedah untuk merawat haiwan yang dijangkiti Rabies. Namun jika penyakit ini menjangkiti manusia, rawatan awal perlu diberikan dengan serta merta untuk menyelamatkan mangsa. Rabies disebabkan oleh lyssavirus daripada keluarga Rhabdoviridae dan disenaraikan di bawah Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE).

Sejarah jangkitan penyakit Rabies di Malaysia



TANDA TANDA RABIES

Ekor ditebuk di antara +
kedua kaki belakang

Takut air +

Takut Bunyi +


+ Air liur berlebihan

+ Gelisah & Agresif

+ Menyendiri

+ Takut Cahaya

+ Menggigit apa saja yang
ada di sekitarnya (orang /
benda)



Jangkitan Rabies

Anjing


Musang

Virus Rabies terdapat dalam air liur haiwan dan boleh dijangkiti melalui gigitan atau jilatan haiwan di tempat luka. Tanda-tanda jangkitan adalah pelbagai bergantung kepada tahap jangkitan pada otak. Biasanya haiwan ini akan berkelakuan agresif atau dungu manakala pada sesetengah kes, haiwan mungkin mati secara tiba-tiba sebelum menunjukkan sebarang tanda-tanda jangkitan.




Kucing

Kelawar



Virus Rabies



Rabies bukan sahaja menyebabkan kematian malah mengakibatkan gangguan emosi dan tekanan perasaan dalam kalangan penduduk di kawasan terabit. Selain itu, rawatan kepada mangsa, pencegahan dan pembasmian penyakit ini akan meningkatkan kos perubatan negara. Malahan, sektor pelancongan juga turut terjejas berikutan wabak Rabies ini.

LANGKAH HINDAR KEHADIRAN HAIWAN PEMBAWA RABIES

1

Kawasan rumah atau kampung perlu dibersihkan untuk menghindar kehadiran haiwan pembawa penyakit

2

Tingkap dan pintu harus ditutup pada waktu malam agar tidak dimasuki kelawar yang tertarik kepada cahaya

3

Reban dan kandang ternakan hendaklah dibersihkan dan dipantau bagi mengelak pencerobohan haiwan liar

4

Anjing dan kucing liar dikawasan perumahan hendaklah dikawal agar jumlah populasi mereka tidak mendatangkan masalah kepada masyarakat setempat

5

Haiwan peliharaan hendaklah divaksin mengikut nasihat Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan tidak dibiarkan berkeliaran di luar rumah atau pagar



TIPS melindungi diri daripada Rabies

Semua kes gigitan wajib dirujuk ke hospital kerajaan terdekat. Elakkan mendekati haiwan yang tidak kenali. Elakkan memberi makanan kepada haiwan terbiar. Dilarang mengendalikan haiwan yang sakit, cedera dan mati.



KATAKAN TIDAK PADA LALAT

Oleh :Roslan Mohd Yusof, Jamal Abdul Nasir Mohammad Hassan, Norazean Mohamd Falal, Nurshuhada Solahudin, Tan Teck Leon, Mohamad Azlan Jahaya

Kebimbangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) terhadap aduan awam mengenai kacau ganggu lalat dan masalah bau daripada aktiviti penternakan terutamanya ayam agak kerap juga dilaporkan. Peningkatan kesedaran awam mengenai kualiti alam sekitar dan kesejahteraan hidup telah mencari kaedah bagi mengurangkan masalah lalat di ladang penternakan ayam.


Pada tahun 2016, negeri Perak sahaja menerima 12 aduan awam mengenai kacau ganggu lalat dan masalah bau daripada penternakan ayam. Negeri Sembilan dengan tiga aduan dan Melaka dengan 11 aduan tidak termasuk negeri-negeri yang lain.

Kacau ganggu lalat juga boleh memberi kesan kepada sosial dan ekonomi seperti keselesaan penduduk mahupun industri pelancongan secara tak langsung. Penggunaan baja organik yang tidak diproses dengan baik dan digunakan terus di ladang tanaman dan sayuran kerap mendatangkan masalah bau kepada penduduk sekitar.



Statistik Penternakan Ayam

Ladang Ayam Pedaging & Penelur




Statistik semasa ladang ayam pedaging penelur di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:-

Dengan peningkatan jumlah ladang penternakan ayam, dijangka akan turut meningkatkan aduan kacau ganggu lalat daripada orang awam.

Kitar Hidup Lalat

Bagi mengawal lalat, kitar hidupnya mestilah difahami dengan terperinci bagi menghasilkan kaedah kawalan yang lebih berkesan.

Kebiasaannya, lalat mampu terbang dalam lingkungan 0.8 kilometer, tetapi pernah direkodkan mampu mencapai sehingga 32 kilometer.



Fakta Mengenai Lalat

lalat dapat mencium makanannya hingga jarak 2km.

lalat mencium bau menggunakan bulu di tubuh

Sementara, bulu-bulu pada mulut dan kaki untuk mencicip makanan

Hidup lalat hanya sekitar 15-30 hari. Tetapi dalam umur sependek itu, lalat betina mampu bertelur sekitar 3000 butir, yang boleh menghasilkan lalat dewasa dalam masa 6-14 hari.

Apa Yang Menarik Lalat Datang?

Bau - Lalat sangat tertarik kepada bau. Protein yang hadir dalam makanan ternakan dan tinja ayam menarik lalat yang mampu mengesan bau dalam jarak 1 kilometer.

Tinja - Tinja yang basah menarik perhatian lalat dewasa dan memberi persekitaran yang sesuai untuk lalat membiak. Tinja segar mengandungi 73.7% kelembapan sedangkan kelembapan yang ideal ialah 40%-85% untuk lalat bertelur.

KAEDAH PENGAWALAN LALAT

Sebarang cadangan kaedah pengawalan lalat adalah berkait rapat dengan pengetahuan persekitaran yang sesuai bagi untuk pembiakan lalat serta pemahaman mengenai kitar hidupnya. Pelbagai kaedah boleh dilakukan untuk mengawal lalat, antaranya:

Lokasi ladang

Lokasi ladang yang terbaik sekurang-kurangnya 3 kilometer daripada kawasan penempatan dan kemudahan awam. Jauh dari sumber air / rizab sungai/takungan air bersih untuk kegunaan awam.

Di dalam kawasan yang di kelilingi tumbuhan ataupun di dalam kawasan ladang getah atau kelapa sawit yang boleh bertindak sebagai zon penampungan (green-belt) untuk mengelakkan bau serta lalat disebarkan secara terus oleh angin.

Sistem kandang / reban

Sistem kandang/reban tertutup (moden) merupakan alternatif kawalan lalat. Persekitaran suhu, kelembapan dan peredaran udara yang boleh dikawal amat berkesan dalam mengatasi masalah bau dan pembiakan lalat.

Lantai kandang/reban daripada jenis simen lebih digalakkan bagi memudahkan kerja-kerja pencucian kandang/reban. Lantai reban yang tinggi sekurang-kurangnya 1.8 meter memudahkan pencucian najis ternakan.

Pengubahsuaian makanan ternakan

Kandungan mil ikan (fish meal) dalam makanan ternakan menarik lalat untuk datang. Penggunaan fish meal tidak digalakkan dalam penyediaan makanan ternakan. Perlu mencari sumber-sumber makanan protin yang lain.

Kaedah manipulasi diet (dietary manipulation) dalam makanan ternakan (feedstuffs) seperti mencampurkan enzim (phytase), asid amino dan lain-lain aditif juga boleh membantu meningkatkan zat dalam ternakan serta dapat mengurangkan nitrogen dalam sisa tinja ayam yang boleh menyebabkan bau (ammonia).

Penggunaan bahan kimia

Kawalan menggunakan bahan kimia lebih bersifat sementara. Larvicide sprays adalah salah satu cara mengawal lalat serta berkesan membunuh lalat peringkat larva. Namun penggunaan tanpa pengawalan boleh mengakibatkan kekebalan lalat terhadap bahan kimia tersebut.

Pengawalan secara fizikal

Kelembapan tinja ayam kurang dibandingkan dengan ternakan yang lain seperti lembu, kambing, babi dan lain-lain maka melakukan proses pengeringan atau kompos melalui cahaya matahari adalah cara yang mudah dan murah. Kaedah ini juga turut membantu mengurangkan bau sisa di sekitar ladang ternakan serta membunuh patogen (mikroorganisma penyebab penyakit) di dalam sisa melalui haba yang dihasilkan (C M Williams, FAO 2011).

Najis yang terdapat di bawah reban perlu dibersihkan setiap 3-7 hari untuk mengelakkan pembiakan lalat. Sisa ini dikeluarkan dari ladang dengan sempurna ke kawasan kompos untuk diproses sebagai baja. Pastikan tiada larva di dalam sisa tinja. Sekiranya ada, ini perlu dihapuskan dengan bahan kimia supaya tidak berlaku pembiakan lalat.




Penggunaan perangkap lalat boleh mengurangkan jumlah lalat. Seperti gam lalat dan lampu sinaran ultra ungu (uv).

Kawalan biologi

Penggunaan mikroorganisma berfaedah (EM) Semburan EM ke atas tinja dan kawasan ladang boleh mengurangkan bau yang boleh menarik lalat datang.

Kehadiran Serangga (parasitoid / predator) parasitoid yang bertelur dalam pupa dapat memutuskan kitar hidup lalat dewasa. Oleh itu lalat tidak dapat membiak.



MENGAPA PERLU BEBAS LALAT

Pencegahan penyakit

Kebiasaannya lalat tertarik dengan kotoran/sisa makanan dan benda-benda yang busuk. Lalat adalah vektor yang boleh menyebarkan bakteria, parasit dan virus penyakit kepada hidupan lain. Agen penyakit akan melekat pada kaki, badan, kepala dan lain-lain anggotanya.

Penularan penyakit seperti disentri (radangan usus - parasit *Entamoeba histolytica*), demam typhoid - bakteria *Salmonella typhi*, Diarrhoea (cirit-birit-bakteria/virus) dan kolera (efeksi usus kecil- bakteria *Vibrio cholerae*.) adalah jenis-jenis penyakit yang disebarkan oleh lalat.

Dengan membasmi/membunuh lalat serta menghalang pembiakannya sudah tentu dapatlah mencegah jangkitan penyakit disebabkan bawaan lalat.

Meningkatkan keselesaan serta kesejahteraan hidup masyarakat.

Kehadiran lalat tidak pernah diinginkan kerana lalat dikaitkan dengan kotor dan penyakit. Sekiranya sesuatu tempat atau kawasan kediaman itu dikunjungi oleh lalat-lalat maka sudah tentu akan menimbulkan ketidakselesaan dan gangguan hidup di dalam aktiviti seharian mereka.



KESIMPULAN

Di dalam mengatasi masalah lalat di ladang ternakan terutamanya ayam sudah pasti penternak perlu bekerjasama dan berasa bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan ladang mereka sendiri. Sisa ternakan hendaklah diuruskan dengan berkesan mengikut amalan perladangan ternakan yang baik (GAHP) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) supaya alam sekitar kita akan terpelihara dan masyarakat pula dapat hidup dalam harmoni.

LEMBU HIBRID SADO

Bekalan Daging Meningkat, Tambah Pendapatan

Bekalan daging mentah di Malaysia dilihat masih belum mencukupi bagi memenuhi kehendak pasaran tempatan. Situasi ini menyebabkan harga daging lembu di pasaran tempatan melonjak tinggi. Bagi mengatasi masalah ini, daging mentah terpaksa diimport dari negara luar seperti India, Australia, New Zealand, Sudan, Afrika dan Thailand. Statistik pengimportan bekalan daging mentah negara telah meningkat dari tahun ke tahun. Kesan aktiviti pengimportan ini menyebabkan negara bakal berhadapan dengan risiko dari segi keraguan status halal, kualiti daging serta harga daging mentah mahal kerana harga daging mentah import bergantung kepada pertukaran mata wang dunia.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memandang serius perkara ini. Salah satu langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini ialah dengan memperkenalkan lembu Hibrid Sado kepada industri ternakan Malaysia.

Lembu Hibrid Sado adalah lembu pedaging kacukan yang terhasil melalui pembiakan secara Peranian Beradas (Artificial Insemination – AI) menggunakan semen beku daripada lembu yang mempunyai ciri-ciri otot berganda semulajadi dan bersaiz besar seperti baka Belgian Blue, Charolais dan Limousin.

Penternakan lembu Hibrid Sado ini telah mendapat perhatian dan menjadi minat dalam kalangan penternak-penternak berskala kecil. Kecenderungan ini didorong oleh faktor penghasilan daging yang lebih banyak tanpa melibatkan peru-bahan yang besar terhadap keperluan infrastruktur sedia ada mahupun amalan penternakan semasa di kawasan terhad.

Menyedari peluang dan potensi yang ada pada

lembu Hibrid Sado ini, DVS telah mengambil inisiatif untuk mengeksplotasi lembu ini bagi membantu para penternak untuk meningkatkan pengeluaran daging segar tempatan seterusnya memenuhi permintaan pengguna.


PERANAN DVS

Dalam usaha untuk menggalakkan penternakan lembu Hibrid Sado, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-

- + Bekalan Semen Beku berkualiti
- + Perkhidmatan Peranian beradas
- + Pembangunan Jurusuntik Peranian
- + Beradas persendirian (DIY) bertauliah
- + Pendaftaran dan sistem pengrekodan
- + baka ternakan secara online (e-Baka)
- + Khidmat nasihat dan latihan



BAKA LEMBU BERCIRIKAN OTOT BERGANDA DAN BERSAIZ BESAR



Baka: Belgian Blue
Negara asal: Belgium
Warna: Pelbagai dari Putih ke Hitam
Ciri-ciri baka tulen:

- Berat badan Jantan: 900 - 1200kg
- Berat badan betina: 700 - 850kg



Baka: Limousin
Negara asal: France
Warna: Coklat keemasan
Ciri-ciri baka tulen:

- Berat badan Jantan: 1,000–1,100kg
- Berat badan betina: 650-700kg



Baka: Charolais
Negara asal: France
Warna: Putih krim
Ciri-ciri baka tulen:

- Berat badan Jantan: sehingga 1,100 kg
- Berat badan betina: sehingga 900 kg

PROGRAM LEMBU HIBRID SADO

1

PEMILIHAN INDUK
 Induk mestilah sesuai dan bersaiz besar elakkan risiko sukar melahirkan (distokia).

2

PENGESANAN TANDA BERAHI (GALAK)
 Tanda berahi (galak) penting seperti kemaluan kemerahan, bengkak dan berlendir.

3

PEMBIAKAN SECARA PERMANIAN BERADAS (AI)
 Teknik pembiakan tanpa pejantan.

4

HASIL ANAK AI



Peranan DVS

Dalam usaha untuk mengalakkan penternakan lembu Hibrid Sado, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-

- + Bekalan semen beku berkualiti
- + Perkhidmatan pernian beradas
- + Pembangunan Jurusuntik Pernian Beradas persendirian (DIY) bertaulah
- + Pendaftaran dan sistem perekodan baka ternakan secara online (e-Baka)




INOVASI

TMR JERAMI - INOVASI PROBIOTIK RUMIKAN TERAS MAJU DINAMIK SDN BHD

Industri ternakan haiwan merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Negara. Statistik menunjukkan bahawa kos terbesar adalah bergantung kepada turun naiknya harga makanan ternakan semasa dimana secara keseluruhannya kos makanan haiwan merangkumi 60% daripada keseluruhan kos sesuatu operasi penternakan yang dijalankan. Secara umumnya, kebanyakan bahan asas makanan haiwan adalah diimport dari luar negara seperti kacang soya, gluten jagung, mil ikan, dan pelbagai sumber mineral lain.

Negeri Kedah yang dikenali sebagai negeri Jelapang padi berpotensi untuk menggunakan sisa pertanian (Jerami padi) sebagai satu sumber makanan ternakan yang berkualiti tinggi. Sebagai contoh secara purata keperluan pemakanan seekor lembu ialah 12kg sehari. Maka kesan dari turun naik harga makanan haiwan akan mempengaruhi harga jualan daging segar tempatan dan sekiranya perkara ini tidak dapat dikawal harga pasaran daging segar akan terus meningkat saban tahun.

Teknologi Penghasilan TMR oleh Syarikat Teras Maju Dinamik Sdn. Bhd.



Syarikat Teras Maju Dinamik Sdn. Bhd. merupakan syarikat bumiputera yang berkecimpung dalam industri formulasi makanan ternakan di Malaysia. Hasil dari penyelidikan yang berterusan yang dijalankan oleh syarikat telah Berjaya menemukan teknologi untuk menguraikan jerami padi menjadi makanan yang berkualiti tinggi mengikut keperluan nutrisi ruminan. untuk membangunkan halai Probiotik Ruminan TMR-Jerami Feed yang mampu menyumbang ke arah Sustainable Manufacturing bagi industri Agromakanan Negara.



Proses Penuaian Jerami Padi



Proses Pengumpulan Jerami Padi

Diantara matlamat syarikat dalam menjalankan penyelidikan makanan ruminan adalah :

1. Menjadikan jerami padi sebagai sumber makanan ternakan tempatan berkualiti tinggi.
2. Menghasilkan makanan haiwan ruminan lengkap (TMR) dan berkualiti dengan harga mampu milik.
3. Menjana bekalan makanan daging/susu yang dapat menjamin bekalan secara berterusan bagi memenuhi keperluan negara.
4. Mewujudkan Pusat Kecemerlangan penghasilan makanan ruminan dari TMR-Jerami dan juga pembekal utama daging/susu negara.

Total Mixed Ration (TMR)

Satu rumusan makanan ternakan yang menggabungkan pelbagai sumber bahan termasuk bijiran, makanan berasaskan protin, mineral dan vitamin mengikut konsentrasi yang spesifik



Nama : Tuan Hj. Mohd Fadzil Bin Ahmad
Alamat : Teras Maju Dinamik Sdn. Bhd, 124-G
Pekan Tikam Batu 08600 Sungai
Petani, Kedah
Tel : 013-485 7842
Email : fadzil2357@gmail.com

Kelebihan Formulasi TMR-Jerami

MAKANAN FORMULASI LENGKAP

TMR untuk ruminan yang memenuhi keperluan nutrisi ternakan

SUMBER TEMPATAN

Penggunaan bahan sisa pertanian yang diperkaya dengan nutrisi tambahan

TEKNOLOGI HIJAU

Menggabungkan foder hijau (jerami) & premix yang diperkaya dengan fermentasi probiotik

NUTRIEN NILAI TINGGI

Kandungan nisbah 55-57% & 25-45% nutrient premix bernilai tinggi

PRESTASI TERNAKAN

Peningkatan metabolisme badan dengan penghasilan enzim yang bermanfaat

MENINGKAT TENAGA

Kurangkan kehilangan tenaga dengan mengurangkan solubilisasi protein



PREMIX PROBIOTIK



JERAMI



HAYLAGE



TMR PALLET



Penternak JAYA

TENOX PLANTATION (M) SDN BHD (En. Muhammad Hariz bin Hj Nordin)

PENJANAAN EKONOMI

1

Bermula dengan penternakan kambing pedaging baka Jamnapari di Ladang Kaprima Hulu Seladang, Setiu pada tahun 2011 dengan jumlah 247 ekor dan jumlah terkini kambing adalah antara 500-700 ekor

2

Usaha diperluas dengan penjualan Susu Kambing bermula pada tahun 2014 menggunakan induk jamnapari dan induk saanen. Pengeluaran susu sekitar 30-50 liter/hari dengan harga penjualan borong sebanyak RM12/liter dan runcit RM20/liter

3

Penternakan kambing tenusu baka Saanen bermula pada awal tahun 2015. Sehingga kini sekitar 60 ekor induk telah dijadikan sebagai induk asas untuk pengeluaran susu dan induk baru

4

Mempelbagaikan usaha dilakukan dengan pembuatan baja secara berkala untuk penggunaan sendiri dan atas permintaan pelanggan kerana faktor sumber tenaga elektrik yang terhad (2-3 tan/bulan). Namun perancangan dan sasaran syarikat adalah untuk mengeluarkan 10 tan/bulan


5

Penanaman sayuran sawi dan kangkung diperkenal pada tahun 2015 bagi mengisi masa lapang para pekerja disamping menggunakan kawasan yang tidak ditanam dengan pastura. Walaubagaimanapun permintaan yang memberangsangkan menggalakkan syarikat untuk meneruskan tanaman sawi dan kangkung berskala komersil

6

Perkhidmatan katering kambing golek dan kambing bakar untuk pembeli kambing di ladang disubkan pada syarikat kenalan dan ia bergantung pada kawasan daerah yang didiami oleh pembeli. Buat masa ini 5 agen telah dilantik bagi perkhidmatan tersebut diseluruh negeri Terengganu

Perancangan Masa Hadapan



Penternakan baka baru kambing susu kacukan antara baka Jamnapari dan Saanen sehingga tahap persilangan F3

Pada awal tahun ini syarikat telah melakukan percubaan untuk mendapatkan baka F1 persilangan antara baka jamnapari dan saanen dan berhasrat untuk terus sehingga ke tahap baka F3 yang dianggarkan akan dapat dihasilkan pada akhir tahun 2017. Ini kerana kedua-dua baka ini memiliki ciri-ciri yang unik dimana baka jamnapari lebih tahan lasak dan mengeluarkan susu yang agak tinggi manakala baka saanen mampu mengeluarkan jumlah kuantiti susu yang banyak



Penternakan kambing tenusu baka Saanen asli

Disamping baka kacukan F3 yang mahu dihasilkan, syarikat juga berhasrat untuk mengekalkan dan menambah bilangan baka saanen asli kerana permintaan yang semakin meningkat dan penjualannya mendatangkan hasil yang lumayan



Penanaman sayuran sawi dan jagung manis secara gantian

Mulai akhir tahun ini, syarikat melakukan tanaman gantian antara sawi dan jagung berikutan harga belian kangkung yang terlalu rendah dan tidak stabil. Sehubungan itu, 3 ekar tanah diperuntukan untuk menanam sawi manakala 3 ekar lagi untuk tanaman jagung



Pembuatan baja organik dan separa organik secara berterusan dan sasaran sebanyak 10 tan sebulan

Perancangan tahun hadapan juga merangkumi pembelian mesin pempaletan baja bagi memproses baja organik dan separa organik. Ini kerana akhir-akhir ini permintaan baja organik menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding baja inorganik



Ternakan ikan air tawar didalam sangkar

Pada awal tahun 2018, dirancang sebanyak 4 buah sangkar akan dibina sebagai permulaan dan ditambah mengikut keadaan permintaan semasa. Ternakan ikan yang dirancang adalah ternakan ikan keli dan ikan talapia



Kursus penternakan secara berkala

Kursus penternakan akan mula dilakukan pada akhir tahun ini dengan kerjasama syarikat pembekal ubat-ubatan haiwan iaitu Myternak Trading. Kursus sebegini dijangka akan diteruskan demi memberi pemahaman berterusan kepada penternak disamping dapat memperkenalkan ladang



Lawatan dan pakej Agrotourism 2017

Pakej Agroturism 2017 telahpun dibuat dan telah diwar-warkan oleh pihak JPVNT didalam setiap tour "Pesona Terengganu" Pada tahun hadapan ,dijangka syarikat akan menerima kedatangan pelawat dari setiap negeri dan diharap dapat membantu menambah pendapatan syarikat



Penjualan Susu UHT di Pasaraya Ternama

Buat masa sekarang susu kambing syarikat diedar dan dibekalkan kepada pengguna melalui kaedah sejuk beku dan susu hanya dipastur menggunakan kaedah manual (double boil). Syarikat berhasrat untuk memiliki mesin pempasturan UHT agar susu yang dihasilkan dapat diterima di pasaraya dan dapat bertahan dalam tempoh yang agak lama(>1 bulan)


AGROTOURISM LEMBAH KAPRIMA
Hulu Seladang, Setia



Projek Sosial Masyarakat

Bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti UIA, UITM, UNISZA, KPM dalam menjalankan uji kaji dan praktikal di ladang serta membantu para pelajar memahami lebih mendalam tentang ilmu penternakan kambing.

Mendahului dalam membuat kajian terhadap setiap info baru yang diperoleh didalam bidang ternakan samada didalam dan diluar negara dan mewarwarkan keberkesanan setiap info baru kepada para penternak lain.



Perkongsian teknologi dan kepakaran yang diperolehi dari pakar dalam dan luar negara diserapkan terus kepada para penternak melalui media sosial dan kursus yang dijalankan.

Khidmat bimbingan dan tunjuk ajar melalui ceramah, kursus penternakan serta perkongsian ilmu secara ilmiah di media sosial terutama di laman facebook "Kaprima Hulu Seladang Valley Farm"

Bimbingan penternak baru yang mahu berkecimpung didalam bidang ternakan kambing samada di lapangan mahu pun di medan sosial.

Projek Sosial & Kebajikan

- 1 Memberi khidmat bimbingan dan tunjuk ajar dalam setiap jemputan ceramah, kursus penternakan serta perkongsian ilmu secara ilmiah di media sosial terutama di laman facebook "Kaprima Hulu Seladang Valley Farm"
- 2 Memberi khidmat nasihat serta bimbingan kepada penternak baru yang mahu berkecimpung didalam bidang ternakan kambing
- 3 Ilmu yang diperolehi daripada pakar-pakar penternakan dalam dan luar negara samada secara online mahupun berbayar, diserapkan terus kepada para penternak melalui media sosial dan kursus-kursus yang dijalankan
- 4 Mendahului dalam membuat kajian terhadap setiap info baru yang diperolehi didalam bidang ternakan samada didalam dan diluar negara dan mewar-warkan keberkesanan setiap
- 5 Memberi kerjasama kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti UIA, UITM, UNISZA, KPM menjalankan uji kaji dan praktikal di ladang serta membantu para pelajar memahami lebih

BULETIN

BICARA VETERINAR

JILID 1 NO 1 2018

www.dvs.gov.my

Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya